



SUARA BANDARAYA

OKTOBER 1993

ISSN 0128-1194

KUALA LUMPUR - ISFAHAN TINGKAT PERSEFAHAMAN

Pada 18 Ogos 1993 menjadi tarikh bersejarah bagi Kuala Lumpur dan Isfahan bila Datuk Bandar Kuala Lumpur, Dato' Dr. Mazlan Ahmad dan Datuk Bandar Isfahan Hamid Reza Azimian menandatangani Memorandum Persefahaman di antara Bandaraya Kuala Lumpur, Malaysia dan Bandaraya Isfahan, Republik Islam Iran, menjadikan kedua-dua buah bandar ini sebagai bandaraya berkembar.

Majlis menandatangani memorandum tersebut di adakan di Dewan Besar Tingkat 30, Bangunan DBKL dan disaksikan bersama oleh delegasi dari Isfahan yang diketuai oleh Gabenor Jeneral, Is'hagh Jahangiri serta ahli-ahli Lembaga Penasihat dan pegawai-pegawai kanan DBKL.



Bertukar dokumen persefahaman dengan Hamid Reza Azimian Datuk Bandar Isfahan



Dato' Dr. Mazlan Ahmad menandatangani Memorandum Persefahaman sambil disaksikan oleh Is'hagh Jahangiri, Gabenor Jeneral Isfahan dan Datuk Hj. Noordin Hj. Abd. Razak, Ketua Pengarah DBKL

Di dalam sidang akhbar yang diadakan selepas upacara menandatangani perjanjian tersebut, Hamid Reza Azimian menyatakan rasa gembira kerana dapat meningkatkan kerjasama dengan Kuala Lumpur di dalam bidang ekonomi, pelajaran, sosial, kebudayaan, perdagangan, pembangunan dan sebagainya. Menurut beliau lagi, Isfahan bukan sahaja terkenal kerana mempunyai bangunan yang unik dan tempat-tempat bersejarah yang sentiasa menjadi tumpuan pelancong tetapi juga mempunyai industri-industri

...bersambung ke muka 28



S I D A N G P E N G A R A N G

Penasihat

IZMAN HJ. ISMAIL

Editor

ZARINA AHMAD OSMAN

Penolong Editor

HALIJAH MAT SIN

Pemberita

WAN ABDULLAH WAN ABD. GHANI

Jurufoto

MUBARAK MOHD. ATAN
ABD. RANI MOHD. SOHOR

SUMBANGAN

Kakitangan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur digalakkan menyumbang sebarang berita, rencana, karikatur mengenai aktiviti jabatan dan kakitangan untuk dimuatkan dalam Suara Bandaraya.

EDITOR

SUARA BANDARAYA

Bahagian Pentadbiran dan Hal Ehwal Awam,
Urusetia Bandaraya, Tingkat 5,
Bangunan Dewan Bandaraya
Kuala Lumpur, Jalan Raja Laut
50350 Kuala Lumpur
Telefon: 03-2916011 Samb. 122, 180

PERHATIAN

Semua pendapat dan fikiran dalam **SUARA BANDARAYA** tidak semestinya merupakan pendapat rasmi pentadbiran Dewan Bandaraya Kuala Lumpur.

K • A • N • D • U • N • G • A • N

| | |
|--|----|
| • <i>Kuala Lumpur -Isfahan tingkat persefahaman</i> | 1 |
| • <i>Ingatan Datuk Bandar kepada pekerja</i> | 4 |
| • <i>Ketua jabatan berperanan mengenalpasti masalah kakitangan</i> | 5 |
| • <i>Kakitangan perlu peka</i> | 6 |
| • <i>Peserta bina insan diuji</i> | 7 |
| • <i>Sambutan bari keluarga Unit Hal Ehwal Awam</i> | 8 |
| • <i>Majlis bercukur rambut dalam sambutan Maulidur Rasul</i> | 9 |
| • <i>Rasulullah (S.A.W.) pembina generasi unggul</i> | 10 |
| • <i>Lawatan Dr. Zik Bandar London tingkatkan bulungin sind bala</i> | 14 |
| • <i>Mesyuarat Agung OICC kali ke-7 di Ankara</i> | 17 |
| • <i>Peserta-peserta Arabe diraikan</i> | 18 |
| • <i>Mazlan terima tongkat pegawai PBSM</i> | 19 |
| • <i>Anak-anak kakitangan diseru memantapkan diri</i> | 20 |
| • <i>Kesibatan wanita bekerja</i> | 21 |
| • <i>23 pengemis ditaban</i> | 22 |
| • <i>Sabtu Hussein dalam kenangan</i> | 23 |
| • <i>Perjuangan Rozzita belum berakhir</i> | 24 |
| • <i>Pemain Teater- Bisu Dan Buta Di Cameron Highlands</i> | 25 |
| • <i>Kumpulan penari bandaraya pukau Dhaka</i> | 26 |
| • <i>Kuala Lumpur – Isfahan creates history</i> | 28 |

DARI MEJA DATUK BANDAR

BERSATU TEGUH BERCERAI ROBOH

Pepatah Melayu menyatakan 'Bersatu Teguh Bercerai Roboh' perlu menjadi amalan dan budaya kita. Dengan adanya nilai-nilai ini tugas kita untuk menyelesaikan masalah kotaraya akan lebih mudah terlaksana. Kita perlu bersatu untuk terus maju dan berganding bahu mencapai hasrat menjadikan Kuala Lumpur sebuah bandaraya yang setanding dengan lain-lain bandaraya besar di dunia.

Disiplin diri adalah satu sikap yang perlu ada bagi setiap orang untuk mencapai kejayaan dalam apa jua bidang. Yang lebih penting ialah disiplin yang wujud dalam diri yang boleh dipupuk melalui didikan kerohanian dan keugamaan serta kursus bina insan yang menjadikan kita lebih matang menggunakan daya fikiran. Sebenarnya kita mempunyai 'will' untuk melawan hawa nafsu dan mempunyai sikap yang lebih bertanggungjawab.

Kualiti ini akan melindungi manusia daripada melakukan sebarang perkara yang negatif yang bertentangan dengan etika, norma dan peraturan pejabat seperti mengeluarkan pandangan melalui budaya surat layang, media cetak dan anika rupa penyelewengan seperti tidak amanah, tidak bersih dan tidak cekap. Disiplin diri boleh membentuk manusia yang berkualiti bagi menjamin keikhlasan dan kejujuran dalam melaksanakan tugas harian.

DBKL sebagai sebuah organisasi yang besar adalah terdedah dan 'vulnerable' kepada pelbagai kritikan. Sebarang tindakan yang dilakukan sama ada positif atau negatif menjadi perhatian umum dan mencerminkan imej dan reputasi kerana DBKL merupakan 'trend-setter' dan 'big brother' kepada penguasa-penguasa tempatan dan perintis bagi setiap kegiatan dan tindakan. Kerjasama dan 'commit-

ment' para pekerja dan jabatan diperlukan dalam mempertahankan dan mengekalkan imej baik ini. Yang penting jauhkan situasi 'seekor kerbau membawa lumpur habis semua terpalit.'

Kuala Lumpur mengalami pembangunan yang amat pesat ekoran pembangunan ekonomi yang mantap yang dinikmati selama ini. Pelbagai masalah wujud akibat pembangunan pesat ini seperti kesesakan lalulintas, pemerkaran, perumahan dan sosial. Bagi menghadapi cabaran itu penglibatan tenaga para pekerja diperlukan bertindak sebagai satu entiti dan mengalasi lain-lain kepentingan individu atau jabatan.

Saya berharap pegawai dan kakitangan DBKL bertindak bera-



saskan semangat 'teamwork', 'fully committed', bertanggungjawab dan memahami hasrat dan aspirasi organisasi. Kita haruslah mempertingkatkan semangat kerjasama dan 'oneness' dalam semua tindakan. Tindakan persendirian yang menimbulkan kontroversi, bukan sahaja menjadikan reputasi dan imej individu dan jabatan, tetapi membawa padah yang lebih parah kepada integriti dan reputasi DBKL sebagai kerajaan♦

FROM THE DESK OF DATUK BANDAR

UNITED WE STAND

The Malay proverb which states "Unity Is Strength, Disunity is Disaster" needs to be our practice and culture. Our job in solving problems faced in the city will be easier with this values inseminated in us. We need to be united and work hand-in-hand in order to achieve our aspiration to make Kuala Lumpur comparable to the rest of the cities in the world.

Self discipline is an attitude which every individual must possess in order to achieve success in any given field. Most important

is the discipline in one self which can be nurtured through spiritual and religious education as well as self improvement courses which in turn can make us mature in using our mental capability. In reality, we have the will to fight against greed and be more responsible.

These quality will protect any individual from being negative which contradicts ethics, norms and office regulations such as voicing out views through

...continue to page 27